

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KENYATAAN SEBUT HARGA

- Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Tarikh Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut harga
1	UTeM 016 / STOR / 2010	Sebut Harga Bagi Cadangan Membina Stor Sementara Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.	Pusat Khidmat Kontraktor Kelas F di bawah Kepala II Sub-kepala 5.	<b>Tarikh</b> : 25 Mac 2010 <b>Jam</b> : 10.00 pagi <b>Tempat</b> : Pejabat Pembangunan, Kampus Induk, Durian Tunggal, UTeM <b>(Kedatangan dan lawatan adalah dimestikan)</b>	Pejabat Bendahari  25 Mac 2010 Hingga 31 Mac 2010	Pejabat Bendahari  <b>1 April 2010</b> (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

- Naskah Meja Sebut Harga akan dipamerkan mulai **12 Mac 2010** hingga **31 Mac 2010** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.15 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Bangunan Canselori, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kampus Induk, 76109 Durian Tunggal Melaka.
Jumaat	8.15 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	

- Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan pada **25 Mac 2010** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **31 Mac 2010** dengan bayaran **RM10.00** senaskah secara **Tunai/Wang Pos/Wang Kiriman/Bank Deraf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
- Dokumen Sebut Harga akan mula dijual selepas lawatan tapak kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor sahaja. Wakil-wakil Kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Asal Pusat Khidmat Kontraktor / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Sijil Taraf Bumiputra**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal PKK, hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat**.
- Semua pembekal **dimestikan** berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Borang pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen sebut harga.
- Sebut harga ini akan ditutup pada **1 April 2010**.. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka** tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut.

7. Iklan sebutharga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>.  
Keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



**RAZAMAN B. KASSIM**

Akauntan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia

UNIT PEROLEHAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
TEL: 06-331 6093/6091/6322